

Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat

PERMINTAAN MENGADAKAN BENGKEL

Pensyarah/pengguna boleh memohon untuk mengadakan Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat melalui Ketua Unit Pendidikan Pengguna dan Literasi Maklumat atau Ketua Bahagian Rujukan dan Maklumat. Setiap kumpulan bagi satu sesi bengkel handaklah sekurang-kurangnya mengandungi 5 orang peserta. Permintaan perlu dibuat sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh bengkel diadakan.

TEMPAT LATIHAN

Bengkel akan diadakan di Pusat Perkhidmatan Maklumat Elektronik (PPME), tingkat 3, Perpustakaan Hamzah Sendut 1. Jika sekiranya jumlah peserta melebihi 20 orang, bengkel akan diadakan di Bilik Pelbagai Guna, PHS 1 atau PHS 2. Bengkel juga boleh diadakan di Pusat Pengajian jika sekiranya terdapat permintaan dari pensyarah berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Unit Pendidikan Pengguna dan
Literasi Maklumat
Bahagian Rujukan dan Penyelidikan
Perpustakaan Hamzah Sendut 1,
11800 USM
Pulau Pinang
E-mel : rujukan@notes.usm.my
Tel: 604-6533888 samb. 3723
Faks: 604-6571526
Laman web: www.lib.usm.my**

Risalah no. 7 (Bahagian Rujukan dan Maklumat)
RAAR/ Mei 2006



BENGKEL KEMAHIRAN PENCARIAN MAKLUMAT

PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT



Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat diadakan untuk membantu pengguna Perpustakaan terutamanya pelajar pada peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan mempelajari cara mencari dan mendapatkan maklumat dengan betul dan berkesan dalam sesuatu subjek. Bengkel ini mengambil masa lebih kurang satu hingga dua jam bagi setiap sesi yang diadakan.

Topik yang akan diliputi semasa Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat adalah seperti berikut:

- 1) Pengenalan kepada penyelidikan Perpustakaan
- 2) Katalog Perpustakaan- KRISALIS dan eEquip
- 3) Laman Web Perpustakaan (www.lib.usm.my)
 - E-Resources
 - Web resources
 - Library publication
 - Subject Browser
- 4) Sumber-sumber maklumat ilmiah dari Internet
- 5) Gaya pemetikan penulisan
- 6) Penilaian sumber maklumat

Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat

KRISALIS

KRISALIS merupakan nama katalog Perpustakaan USM. Kesemua bahan-bahan yang terdapat di Perpustakaan Hamzah Sendut 1 & 2, Perpustakaan Kejuruteraan, Perpustakaan Kesihatan, Perpustakaan Media, Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, Perpustakaan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, dan Perpustakaan Pusat Islam dapat disemak melalui KRISALIS.

KRISALIS diakses dari dalam dan luar kampus melalui laman web Perpustakaan. KRISALIS memberikan rekod bahan seperti deskripsi bahan, nombor panggilan bahan, lokasi bahan, bilangan naskah, status bahan (telah dipinjam keluar atau masih berada di rak)

Ahli Perpustakaan USM yang berdaftar perlu "*login*" terlebih dahulu dengan memasukkan "*Patron ID*" dan "*Password*" untuk menggunakan eQuip secara mendalam seperti:

- 1) Mengetahui bahan yang dirizab telah dikembalikan atau belum
- 2) Mengetahui bahan yang telah dipinjam dari Perpustakaan dan tarikh pemulangan bahan tersebut
- 3) Memperbaharui pinjaman secara *online* jika sekiranya bahan yang dipinjam tidak melebihi tarikh pemulangan/ *date due*
- 4) Menyemak maklumat peminjam
- 5) Memberi maklumbalas kepada Perpustakaan
- 6) Menyemak denda dengan Perpustakaan

Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat

Laman web Perpustakaan USM

Laman web Perpustakaan diakses melalui alamat berikut:

<http://www.lib.usm.my>

Laman web Perpustakaan mengandungi maklumat seperti berikut:

1) E-Resources

Mengandungi pautan kepada pangkalan data yang dilanggan, jurnal elektronik yang dilanggan, jurnal elektronik yang boleh diakses secara percuma dari Internet, pangkalan data dalaman yang dibina oleh Perpustakaan seperti abstrak tesis, kertas peperiksaan, keratan akhbar digital, dan juga panduan kepada pelajar PPJJ.

2) Web Resources

Mengandungi *Malaysian Links* yang memberikan pautan kepada laman-laman web di Malaysia, *Reference Resources* yang memberikan pautan kepada laman-laman web berbentuk rujukan seperti kamus, ensiklopedia serta *Virtual Subject Libraries*. *VSL* memberikan maklumat tentang sumber Internet serta pautan dalam pelbagai bidang akademik.

3) Library Publications

Mengandungi penerbitan-penerbitan yang dihasilkan oleh Perpustakaan seperti Jendela, Buletin MIDAS dan risalah-
risalah yang dikeluarkan oleh Perpustakaan.

4) Subject Browser

Menyenaraikan tajuk bahan-bahan yang terdapat dalam Perpustakaan USM mengikut subjek seperti Komukasi, Pengurusan, Perubatan dan lain-lain.